



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

MINGGU KENANGAN P. RAMLEE: “SATU DALAM SEJUTA”

PULAU PINANG, 14 Jun 2025 – YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Minggu Kenangan P. Ramlee: “Satu Dalam Sejuta” dan Bicara Rentak Irama “Kisah Di Sebalik Lagu”. Program ini dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara melalui Arkib Negara Malaysia (ANM). Tujuan program ini diadakan untuk meningkatkan penghayatan terhadap warisan kebangsaan, menyemai rasa bangga terhadap identiti budaya, serta memperkukuh hubungan antara masyarakat pelbagai kaum melalui kesenian dan sejarah nasional.

Program yang dilaksanakan sepanjang tempoh penganjuran Minggu Kenangan P. Ramlee “Satu Dalam Sejuta” ialah **Ceramah Perdana** oleh YBhg. Dato’ Ustaz Kazim Elias bertajuk "**Sedangkan Lidah Lagi Tergigit**" di Masjid Al Bukhary pada 24 Mei 2025 serta **Larian Legenda “Satu Dalam Sejuta”** pada 25 Mei 2025 yang berjaya menghimpunkan lebih 600 peserta pelbagai kaum dan usia di Padang Kota Lama, George Town.

Bicara Rentak Irama “Kisah Di Sebalik Lagu” pada hari ini menampilkan artis, komposer dan penulis lirik tersohor tanah air bagi mengupas makna tersirat dalam karya-karya terpilih ciptaan mahupun dendangan Tan Sri P. Ramlee dari sudut seni, bahasa dan perpaduan. Mesej-mesej keharmonian, bersatu-padu, bekerjasama, saling menghormati tanpa mengira kaum dan agama digarap dengan baik dan ditonjolkan dengan penuh hemah serta bijaksana dalam karya-karya beliau.

YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, yakin dan percaya, melalui usaha berterusan seumpama ini, mesej-mesej perpaduan yang dizahirkan dalam karya P. Ramlee akan terus relevan dan menjadi penyuluh kepada keharmonian Malaysia MADANI.

Beliau berharap agar agensi-agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan mahupun syarikat-syarikat korporat turut serta menyebarkan maklumat serta mengukuhkan persefahaman dari segi pandangan masyarakat dalam konteks

perpaduan melalui mesej-mesej yang disampaikan dalam karya-karya Tan Sri P. Ramlee.

Kementerian Perpaduan Negara

Tarikh: 14 Jun 2025
